

# Lima pelajar FKI terima tawaran biasiswa

## Bukti keberhasilan kerjasama antara UMS dan Exness Investment Bank Limited

UB 28.06.2024 P.06

LABUAN: Kerjasama di antara Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) Universiti Malaysia Sabah (UMS) serta Exness Investment Bank Limited menampakkan kesan transformatif kerjasama industri dan akademik dalam membentuk masa depan yang cerah untuk pelajar.

Dekan, Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), UMS, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hanafi Ahmad Hijazi berkata kerjasama itu merupakan pencapaian yang menarik dalam perjalanan fakulti ke arah memupuk kecemerlangan pendidikan.

“Saya sangat menghargai dan berterima kasih kepada Exness Investment Bank Limited atas sokongan mereka melalui biasiswa Fintech ini.

“Inisiatif ini bukan sahaja meringankan beban kewangan pelajar kita malah memperkasa mereka untuk mengejar impian dan aspirasi mereka dalam bidang Sains Data, Kejuruteraan Perisian, Teknologi Multimedia Dan Komputeran Perniagaan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Tawaran Biasiswa ‘Exness Fintech Scholarship’ yang diadakan di Bilik Eureka, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada Rabu lalu.

Pada majlis itu, lima pelajar Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menerima Tawaran Biasiswa ‘Exness Fintech Scholarship’.

Mereka ialah Maslinda Sulaiman, Prince Alexzander Antoh, Seri Suriani Ali Subroto, Siti Hajar Abdul Ham-



**TAHNIAH:** David Ian Moyes (empat kanan) dan Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hanafi (empat kiri) bersama pelajar FKI yang menerima Tawaran Biasiswa ‘Exness Fintech Scholarship’ pada Rabu.



ing dan Kristie Chiang Shen Shuet.

Majlis penyerahan tawaran biasiswa itu disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Dan Pegawai Utama Exness Investment Bank Limited,

David Moyes.

Dr. Mohd Hanafi mengucapkan tahniah kepada penerima biasiswa atas pencapaian cemerlang yang telah mereka kecapai.

“Kami berbangga dengan

kerja keras dan kegigihan anda dan kami yakin anda akan terus cemerlang dalam perjuangan akademik anda.

“Dengan kerjasama ini, kita mencapai impak yang ketara terhadap pembangunan



**TETAMU:** Bahagian pensyarah FKI dan tetamu yang menghadiri majlis berkenaan.



dan pertumbuhan berterusan pencapaian akademik pelajar FKI,” katanya.

Pada masa sama, FKI berharap terdapat peluang kerjasama lain yang boleh dicapai antara dua institusi

ini dari segi pelaksanaan inisiatif lain untuk membantu perkembangan akademik universiti.

Turut hadir Ketua Pejabat Cawangan Labuan Exness Investment Bank Limited,

Oh Yee Kang, Pengurus Projek CSR Exness Investment Bank Limited, Selina Ng dan Timbalan Dekan Pascasiswazah Dan Antarabangsa FKI, UMS, Dr. Nooralisa Mohd Tuah.